

MELIHAT AMERIKA DARI JAUH

Makalah yang kita siarkan dibawah ini adalah ditulis oleh Ahmad bin Hussin yang pada masa ini ada di New York bekerja dalam Jabatan 'Suara Amerika', khas untuk majalah Qalam dengan diluluskan oleh Jabatan Negara Amerika (state department) makalah ini banyak menaruh faedah kepada kita terutamanya untuk memerhati cara dan kehidupan di dalam suatu daerah yang utama pada masa ini di dalam dunia, kehidupan mereka sehari-hari Cara-cara hidupnya adalah digambarkan oleh penulis ini dengan sebegitu terang sehingga seolah-olahnya kita dapat Bersama-sama dengannya di dalam perjalanannya itu. Mudah mudahan makalah ini ada bermanfaat kepada kita bersama-P.

Saya telah sampai di New York dalam minggu yang pertama bulan Jun tahun sudah waktu penghujung musim sederhana "Spring" dan hampir musim panas, "Summer" pada waktu ini udaranya lebih sejuk daripada yang ada di Tanah Melayu, tetapi hawa telah beransur-ansur menjadi panas.

Pembaca-pembaca tentu hendak mengetahui bagaimana halnya musim panas di sini. Musim panas dunia buruk ialah seperti yang ada di Tanah Melayu dalam bandar-bandar besar seperti Singapura dan Pulau Pinang. Di bandar Amsterdam, negeri Belanda, di mana saya telah singgah sehari, hawa dan udara lebih sejuk daripada yang di bandar New York. Pembaca-pembaca tentu dapat mengetahui bagaimana teriknya hawa panas di sini juga saya katakan bahawa alat ukuran panas atau "dimometer" menunjukkan di Amerika panasnya meningkat hingga 94 darjah F.

Wap panas siang hari itu berlanjutan hingga malam, dengan demikian orang yang tinggal dekat tempat-tempat lapang atau padang keluar mengambil angin di tempat-tempat itu. Udaranya berkuap orang sentiasa sahaja berpeluh. Kadang-kadang ada hujan; kadang-kadang pula bandar New York diliputi oleh

(oleh Ahmad Hussein)

Khas Bagi Qalam
dengan kebenaran State Department

kabus pagi dan petang

Saya perhati bahawa penduduk New York pun seperti kita di negeri panas di Tanah Melayu pada waktu panas terik, nampaknya ada tabiat membuang baju, jika

baju dipakai oleh mereka itu ialah tebal yang gunanya pakai di dalam musim yang kurang panas.

Sungguhnya ada banyak juga orang yang tiada berbaju kot, dan ada setengahnya pula mengosong sahaja baju mereka, tidak dipakai. Dalam sebuah dua surat khabar di New York perbincangan telah terbit berkenaan dengan perkara membuang baju dalam musim panas. Sebuah surat khabar memuatkan soal tidakkah baik jika pihak lelaki tidak memakai baju kot dalam musim panas. Maka ada beberapa jawapan yang diterima kebanyakannya dari penulis-penulis perempuan. Setengah mereka berkata, lelaki yang hanya memakai baju kemeja nampaknya tak elok jika kemeja itu berkedeut, mereka lebih baik memakai baju kot. Setengah pula berkata, jika seorang itu memakai seluar dan kemeja yang bersih dan licin maka itu sudah elok dalam musim panas. Yang lain pula berkata lelaki patutlah memakai baju kot jika mereka hendak memelihara kehormatan mereka saya perhati perkara pakaian

dalam musim panas ini hanya dibincangkan berkenaan dengan pakaian lelaki sahaja; pakaian orang perempuan tidak dibincangkan. Ada budak-budak yang memakai seluar bersih. bergelar "Jeans" jika mereka keluar bermain.

Musim panas di New York ialah musim kelepasan itu musim cuti. Orang yang ada wang pergi mengambil angin ke Florida, California, Miami, pulau-pulau Hindia Barat, dan Eropah, adapula orang yang pergi bercuti ke daerah-daerah negeri.

Dalam musim panas bukan sahaja orang dari New York pergi ke tempat-tempat lain akan tetapi juga orang dari tempat-tempat lain pula datang ke New York. Tidakkah saya ketahui berapa banyak orang yang keluar dari bandar New York. Akan tetapi saya mendapat tahu bahawa tiap-tiap tahun tiga milion orang melawat bandar ini dan kebaikkan dayang dalam musim panas.

Pada beberapa tempat ada sahaja iklan yang tujuannya menyuruh orang keluar dari rumah mereka pergi mengambil angin ke tempat-tempat lain. Dalam stesen-stesen kereta api di bawah tanah boleh dilihat iklan-iklan yang besar menjemput penduduk New York mengambil cuti dan pergi mengambil angin di California, Florida, Bermuda dan sebagainya.

Dalam surat khabar-surat khabar pula dimuatkan iklan-iklan hotel yang letaknya Switland, Itali dan lain-lain tempat yang jauh. Dalam musim panas seklian sekolah dan maktab ditutup selama dua bulan. Setengah daripada murid-murid sekolah dan maktab mengambil peluang cuti pergi bekerja ketempat-tempat orang mengambil peluang cuti di daerah-daerah negeri setengah kedai dan panggung wayang yang pun ditutup juga dalam musim panas, kerana tuan-tuan mereka pergi mengambil angin.

Maka pembaca-pembaca janganlah menyangka bandar New York yang sunyi oleh kerana setengah penduduk-penduduknya keluar pergi ke tempat lain mengambil angin, dan kerana kedai-kedai panggung-panggung wayang dan sekolah-sekolah ditutup. Sesungguhnya di New York dalam musim



*Times Square New York bangunan yang tengah-tengah itu
Ialah pejabat akhbar New York Times sedang di tengah-tengah
jalan motorak dan manusia penuh sesak.*

-----*-----*

panas ini ada beberapa perkara yang tidak didapati di Tanah Melayu dalam musim ini diadakan beberapa bunyian-bunyian dan permainan-permainan khas yang menyukakan hati penduduk New York. Orang New York menonton bunyian-bunyian permainan-permainan ini berpuluh-puluh ribu sekali beberapa banyak manusia menonton pertandingan besbol, iaitu suatu permainan memukul bola yang terlalu disukai oleh orang Amerika, di Yankee stadium, dan mereka yang duduk di rumah melihat pertandingan besbol dari peti gambar, televisyen. beberapa banyak pula pergi mendengar pancaragam yang dimainkan di kebun besar yang bernama Central Park di Louisiana stadium. pancaragam di tempat-tempat ini bermain tiga kali seminggu. saya suka hendak menceritakan sedikit berkenaan dengan



*Tempat bermain-main dan mengambil angin dalam musim panas
Kota Island, New York.*

-----*-----*-----

bunyian-bunyian di sini.

Bunyian-bunyian yang dimainkan Central Park itu tidak kena bayaran. Tempat bermain ialah sebuah bangunan kecil yang bernama Zimul. Bunyian-bunyian yang wasin adalah dihadiahkan oleh seorang hartawan umur yang yakni bernama Gogenheim, dan dipelihara oleh khairat X X X X X Gogenheim itu” Gogenheim Memorial Band sungguhpun bunyian-bunyia itu dimulakan bermain pada pukul 8.30 malam akan tetapi orang mulai pergi ke sana dari pukul 6.30 lagi dengan demikian jika lambat sampai seorang itu berdiri kerana tiada tempat duduk. Saya mendapati apabila saya pergi menonton bunyian-bunyian itu bahawa penonton- penonton ialah daripada serba peringkat; ada orang tua, ada orang muda lelaki dan perempuan, soldadu dan kelasi-kelasi dan lain-lain semua bangku yang ada di situ penuh dengan orang dan banyak juga penonton yang terpaksa duduk atas rumput di bawah pohon-pohon kayu. Mereka sekalian nampaknya puas hati dan girang mendengar bunyian-bunyian. Yang merdeka keseluruhan kawasan itu sungguhpun setengah daripada mereka itu nampaknya duduk terpakur atau tidur terlentang di bawah pohon-pohon kayu— kadang-kadang pengelola pancaragam itu akan menjemput penonton sekalian mengambil bahagian bernyanyi bersama-sama. Hak bernyayian penonton bersama-sama. Pancaragam di bawah bunyian mengaku jualan

kedegaran beberapa jauh dari situ ada juga di antara penonton yang bersiul mengikut lagu yang dimainkan itu maka keadaan ini ialah suatu keadaan yang girang yang menyukakan hati, dan penulis pun tiada lepas daripada pengaruh ini dan berasa iri hati kepada penduduk-penduduk New York yang dapat mendengar bunyian-bunyian yang sedap tiap-tiap tahun dalam musim panas di Central Park dengan tidak kena bayaran.

Satu tempat lagi di mana pancaragam bermain ialah di Louisiana Stadium dan sebab ini bunyian-bunyian yang ada akan di sini digelar bunyian-bunyian di bawah bintang atau dalam bahasa Inggeris “Music and Rossetress.” Penulis telah pergi mendengar bunyian-bunyian yang dimainkan di Louisiana Stadium itu dua kali pancaragam yang bermain di situ ialah pancaragam yang terkenal di seluruh dunia iaitu yang bernama “The New York Philharmonic Orchestra”. Ahli-ahli biola yang mashyur di seluruh dunia iaitu Yahudi Minuheim, pun mengambil bahagian dalam pancaragam ini. Beribu-ribu orang penduduk New York pergi menonton hingga stadium yang besar itu penuh sesak, dan dua tiga jam sebelum pancaragam bermain beberapa banyak orang sudah menunggu hendak membeli tiket seperti penonton wayang-wayang gambar di Singapura menunggu hendak melihat wayang gambar yang bagus. Ditaksirkan sebanyak lebih kurang 15,000 orang telah pergi menonton pancaragam di Louisiana Stadium itu tiap-tiap malam. Kepada penduduk-penduduk New York sekalian bunyian-bunyian ini ialah perkara biasa Yang berulang kali berlaku tiap-tiap tahun.

Lain daripada ini di daerah-daerah negeri pula diadakan wayang bagi menyukakan hati orang yang pergi mengambil angin di sini. Dalam surat khabar-surat khabar New York boleh didapati sekalian butir dan kaitan dan berita berkenaan dengan panggung-panggung wayang, lakon-lakon yang dimainkan dan pelakon-pelakon yang mengambil bahagian. Dikatakan dalam beberapa daerah Amerika dalam musim panas ada 170 buah panggung yang memainkan berbagai-bagai cerita dan bilangan pelakon

berjumlah 1,500 orang. Setiap daripada pelakon-pelakon ini ialah ahli-ahli wayang gambar yang masyhur seperti Olivia de Hallivand, John Balunadil, Claudia Culibrah, John Bainait, John Garfield, Melvin Douglas, Veronica Leik, John Ludar, Louis Zeinar, Bossil Rosbunad, Silvia Sydney dan lain-lain. Setengah daripada panggung-panggung wayang ini bermain cerita Shakespeare.

Seperti yang telah saya sebutkan dahulu panas di bandar New York itu teruk dan berkuap, dan orang suka keluar mengambil angin di luar rumah dalam padang atau kebun. Penduduk-penduduk New York yang tidak keluar mengambil angin ke tempat lain menggunakan hari-hari kelepasan penghujung minggu berkelah di Coney Island, Jones Beach, Barones Zoo, Central Park atau lain-lain tempat. Pada penghujung minggu sebanyak satu setengah milion orang pergi bermain-main di Coney Island iaitu suatu tempat permainan yang masyhur di New York. Pada pagi hari Sabtu jika kita naik motorkar mengikut jalan ke Jones Beach kita akan melihat motorkar beriadah-beriadah tiada putus-putus semuanya boleh dikatakan menuju ke Jones Beach kerana hendak mandi laut. Kereta-kereta itu oleh sebab terlalu banyak, terpaksa berjalan perlahan-lahan hingga beberapa jam baharu sampai ke pantai Jones Beach itu. Maka pandangan penulis perkara pergi berkelah di Jones Beach itu ialah satu hal yang menjadikan seseorang itu penat dan lelah, kerana udara panas dan berkuap dan kerana kita terpaksa berjalan perlahan-lahan hingga beberapa jam. Bagi orang yang tidak biasa dengan keadaan ini haruslah hilang sabar. Bagi orang New York hala ini ialah perkara biasa yang tak dapat dielakkan dan bersabarlah sahaja. Pada satu hari sebanyak lebih kurang 15,000 motorkar telah tertahan di jalan raya sepanjang 16 batu selama enam jam disebabkan oleh satu kemalangan yang terjadi. Orang New York sendiri bersungut berkenaan dengan terlalu banyak kereta di jalan raya itu. Kerana mereka pandangan hal

itu seperti satu hal yang mengeringkan mereka.


Demikianlah hal keadaan di kawasan bandar New York dalam musim panas, tetapi hal keadaan adalah berlainan di kampung-kampung yang jauh sedikit dari New York. Di sini tanahnya hingar bingar bandar besar tidak kedengaran, dan sekelian kacau bilau bersangkutan dengan bandar besar tidak di dapati. Di sini seorang itu boleh mengambil udara yang sihat dan berjalan berbatu-batu di bawah pohon-pohon kayu yang rendang, atau menyegarkan badan mandi dalam sungai yang sejuk airnya.

Pada satu penghujung minggu penulis dan beberapa orang kawan telah pergi ke suatu tempat yang bernama Wettlesborough, lebih kurang 80 batu dari New York, kami pergi dengan bas yang mengambil masa lebih sedikit daripada empat jam dari Pulau Manhattan bas kami itu menyeberang Sungai Hudson ke New Jersey mengikut jalan bawah sungai, dan di New Jersey pula bas itu mengikut jalan jambatan, "Elevated Harbour" dan kemudian mengikut jalan raya biasa. Jalan raya di sini tiada berlainan dari jalan raya-jalan raya Di Tanah Melayu, di kiri kanannya pohon-pohon kayu, dan jauh sedikit boleh dilihat beberapa buah bukit. Oleh kerana

-----*-----*-----



Satu pandangan lagi Coney Island iaitu tempat penduduk-penduduk New York pergi mengambil angin dan mandi laut.



Jalan besar Goodwi masuk menuju ke Time Square.

Ramai benar orang-orang berlalu lalang di sana setiap masa.

(gambar-gambar yang dhiaskan di sini ialah gambar-gambar daripada

Penulisnya Encik Ahmad Hussin)

-----*-----*

Waktu itu sedang hampir malam tiadalah dapat penulis melihat dengan lebih terang akan kawasan-kawasan yang dilalui itu.

Wattlesborough ialah sebuah kampung yang kecil yang di dalamnya ada beberapa buah kedai. Kampung ini ialah seperti kampung-kampung di Tanah Melayu. Tetapi pohon-pohon yang ada di dalamnya itu berlainan. Di sini tiada di dapati pohon-pohon kelapa, pisang, rambutan, manggis, mempelam, dan sepertinya pohon yang ada di sini ialah yang dipanggil dalam bahasa Inggeris, "Maple", "Peach", "Oak", "Epal", dan lain-lainnya. Dalam kampung ini ada beberapa orang Melayu. Penulis telah menjadi dif seorang Melayu yang bernama Kassim yang telah lama tinggal di Amerika. A. Kassim ini nampaknya banyak kepandaian. Ia membuat bermacam-macam pekerjaan seperti drebar kereta, mekanik, tukang rumah, tukang kebun dan lain-lain orang dalam kampung itu suka kepadanya. Ke mana ia pergi ada sahaja orang yang menegurnya ia bersahabat baik dengan orang Amerika.


Dalam kampung Wattlesborough ada beberapa tempat mengambil angin musim panas. Di sini ada rumah-rumah banglo dan kolam-kolam berenang. Orang dari New York datang ke sini menghabiskan cuti mereka. Di atas bukit ada dua

tiga buah hotel yang baik-baik, dan dalam daerah ini ada sebuah tasik yang dikelilingi oleh rumah-rumah. Tempat makan angin dalam perjalanan kami di sini kami melihat orang tua dan budak-budak memancing ikan dan mandi sungai. Kami juga dapat mengutip sedikit bawah buah ceri hutan yang ada ditebing sungai ceri ini besarnya sebesar buah guli merah warnanya dan kelat rasanya tiada seperti buah ceri yang di jual dalam pasar bandar New York.

Dalam perjalanan saya balik ke New York saya telah dapat melihat kawasan negeri di sepanjang jalan yang dilalui itu saya lihat beberapa buah padang rumput yang luas yang setengahnya bertanam dengan jagung; dalam padang-padang ini ada beberapa kawan lembu yang gemuk sedang makan rumputnya; saya lihat juga beberapa bukit yang kecil dan tanah-tanah di atas dan kawasan ini ada dua tiga buah pekan atau kampung. Di Semenanjung-semenanjung jalan ada kedai makan dan kedai minyak. Kadang-kadang makan ini laku nampaknya kerana banyak motorkar dilihat berhenti di halamannya.

Saya diberitahu bahawa banyak orang di New York biasa datang dengan motorkar sejauh tiga empat puluh batu kerana hendak makan di kedai-kedai itu, yang letaknya di tempat yang lapang dengan mendapat udara yang bersih di tepi jalan

-----*-----*



Alangkah indahnyanya pemandangan dalam sebuah tasik

Dalam kebun Central Park Bandar New York.

ada kedai-kedai buah yang menjual buah lai, tembikai, epal, pear dan lain-lain serta jagung

Manakala bas saya sampai ke New Jersey dapatlah saya melihat lampu-lampu bandar di New York di seberang sungai Hudson dan lampu-lampu bandar New Jersey seperti beribu-ribu bintang yang bertabur di kaki langit, dan bangunan pencakar langit berbalam sahaja nampaknya di hadapan.

Demikianlah musim panas di bandar New York dan itulah kali yang pertama penulis mengalami musim panas di sini. Musim panas ini tidak akan hilang daripada ingatan penulis sebagai musim panas yang berkuap, yang berpeluh, yang menjadikan beribu-ribu orang penduduk New York berkerumun di pantai-pantai laut dan di padang-padang, kereta-kereta motorcar tiada putus-putus di jalan raya-jalan raya. Musim pancaragam bermain di Central Park dan di Louisiana Stadium. Penulis tidak akan lupai juga pemandangan dalam kampung negeri Amerika. Tempat-tempat mengambil angin, lembu dan jagung di padang, dan pemandangan bandar New York pada waktu malam dalam musim panas ini dari seberang Sungai Hudson di New Jersey penulis akan ingatkan juga musim panas ini sebagai satu musim manakala orang New York suka makan rojak, musim buah tembikai, ceri, dan peach, dan musim orang memancing ikan, musim orang Amerika main besbol, musim melawan bertinju dan musim orang-orang dari bandar dan negeri lain melawat New York, dan juga musim kedai-kedai besar bertanding menjual barang-barang pakaian musim panas. Sekianlah musim panas di New York – adanya.

Sungguhnyajanganlah engkau jadikan kebaikan daripada pekerjaan itu terhadap ahlimu dan anakmu, kerana jika adalah ahlimu dan anakmu itu kekasih Allah, sesungguhnya Allah tidak sia-siakan kekasih-Nya tetapi jika mereka itu musuh-musuh Allah maka apakah mustahak kamu terhadap musuh-musuh Allah?

SALAM

Satu daripada syiar Islam yang mustahak ialah: *Assalamu alaikum* (mudah-mudahan bercucuran kesejahteraan atas kamu). Balasannya ialah *Walaikumussalam* (dan mudah-mudahan atas kamu pun bercucuran kesejahteraan) terkadang-kadang dengan tambahan *rahmatullahiwabarokatuh* (dan rahmat Allah dan berkatnya) sekarang syiar ini sangat berkekurangan kerana orang-orang Islam banyak kalimah “tabik”, “Selamat Pagi” dan “Selamat Petang”.

Ada orang khabarkan kepada kami Jabatan Kementerian Agama dan di beberapa mahkamah agama pegawai-pegawainya sendiri menggunakan kalimat yang akhir itu.

Sungguhpun perayangan tebal kegemaannya tetapi syiar *Assalamualaikum* tersangat hormat kepada Nabi (SAW) dengan kalimat *an'am sobahan* (Selamat Pagi). Nabi kita jawab maksudnya bahawa Allah telah gantikan untuk kami suatu penghormatan yang lebih baik daripada penghormatan kamu iaitu *Assalamualaikum*.

Alangkah baiknya kalau kaum muslimin sebar-sebarkan syiar yang mustahak ini kecuali dengan orang-orang yang bukan Islam boleh kita gunakan apa-apa kehormatan yang biasa menurut amal yang berlaku pada zaman Nabi (SAW) sahabat dan seterusnya bahawa *Assalamualaikum* itu dipakai buat seorang atau lebih. Lelaki atau perempuan oleh itu maka tambahan walaikun tidak menurut contoh Rasul dan Sahabatnya. (dipetik dari majalah Kerbatik keluaran “Persatuan Islam” bahagian Pustaka Dibangli Indonesia)

Tidak ada kebaikan dalam dunia melainkan bagi dua orang, seorang mengerjakan beberapa dosa lalu diiringnya dengan beberapa taubat dan seorang lagi bersegera pada (mengerjakan) kebaikan.